

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

1 Gerakan mencari mangsa bot karam itu akan diteruskan _____ pagi esok.

- A dari
B sejak
- C hingga
D daripada

2 Abang Zaki mengambil gambar kami _____ menggunakan kamera Nikon.

- A di
B pada
- C dengan
D kepada

3 Angin Monsun Timur Laut dijangka akan bertiup kencang _____ bahagian utara.

- A ke
B di
- C pada
D hingga

4 Kelawar keluar mencari makanan _____ waktu malam.

- A di
B pada
- C hingga
D daripada

5 Tudung saji itu digantung _____ dinding bersebelahan dengan bilik emak.

- A di
B pada
- C dalam
D dengan

6 Nadia memasukkan sampah _____ dalam tong sampah.

- A di
B ke
- C pada
D dengan

7 Aimee berjalan kaki ke sekolah _____ adiknya, Aina pada setiap pagi.

- A bagi
B demi
- C antara
D dengan

8 Kak Kiah membuat sebiji kek coklat _____ hari jadi anaknya.

- A bagi
B demi
- C untuk
D kepada

9 Para remaja dinasihati supaya tidak terpengaruh _____ budaya barat yang tidak bermoral.

- A dengan
B terhadap
- C kepada
D Pada

10 Encik Amir menjolok buah rambutan yang tinggi itu _____ galah.

- A untuk
B pada
- C dengan
D kepada

11 Seminar Bahasa Melayu itu telah dihadiri oleh para peserta _____ Sabah dan Sarawak.

- A daripada
B hingga
- C sampai
D dari

12 Sepasang baju kurung biru itu dibelinya _____ ibu di kampung.

- A akan
B untuk
- C kepada
D daripada

13 Mereka sedang berbincang _____ kenaikan harga barang-barang keperluan harian.

- A tentang
B akan
- C untuk
D sejak

14 Mak Cik Mimah termenung sendirian di jendela rumahnya kerana rindu _____ anaknya yang menuntut di Mesir.

- A oleh
B akan
- C dengan
D kepada

15 Borang cadangan itu hendaklah dimasukkan _____ dalam peti yang berwarna hitam.

- A di
B ke
- C pada
D dengan

16 Projek perumahan Mega sudah terbengkalai _____ tiga tahun yang lalu.

- A dari
B sejak
- C hingga
D sampai

17 Menara Berkembar Petronas terdiri _____ dua buah bangunan yang sama bentuknya.

- A dari
B pada
- C dengan
D daripada

18 Kejayaan kita dalam pelajaran bergantung _____ daya usaha kita sendiri.

- A oleh
B pada
- C kepada
D daripada

19 Perompak bank itu menyerah diri _____ pihak polis petang semalam.

- A kepada
B dengan
- C pada
D ke

20 "Hadiah itu _____ kamu, Zetty," kata Salina.

- A pada
B untuk
- C dengan
D kepada